

08 MAR 1997

MCA-Komputer

MCA PERLUASKAN KEMPEN DERMA KOMPUTER TERPAKAI KE SEMUA SEKOLAH RENDAH

KUANTAN, 8 Mac (Bernama) -- MCA hari ini bersetuju memperluaskan kempen menderma komputer-komputer terpakai untuk turut merangkumi sekolah-sekolah kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Tamil selain SRJK Cina.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata, rancangan untuk mendermakan semula komputer terpakai ke semua sekolah rendah terutama di luar bandar itu bertujuan mewujudkan masyarakat luar bandar yang celik komputer.

Semasa ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti berkenaan di sini, beliau berkata ia juga sejajar dengan konsep Koridor Raya Multi Media yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa ini terdapat kira-kira 300 buah komputer terpakai yang telahpun didermakan kepada MCA yang akan dibaikpulih di Kolej Tunku Abdul Rahman sebelum diedarkan ke sekolah-sekolah terpilih mulai April ini, katanya.

Beliau menambahkata pemilihan sekolah bagi projek berkenaan akan dibuat oleh MCA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, bermula dengan Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Selangor sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Dr Ling berkata MCA juga akan melancarkan satu program khas untuk memberikan pengiktirafan kepada guru-guru yang merupakan golongan paling berjasa dalam mendidik para pemimpin sehingga mereka berada di tempat tertinggi sekarang.

Menerusi program itu, para pemimpin dan anggota-anggota MCA digalakkan supaya mengunjungi bekas guru-guru mereka sambil membawakan hadiah bagi menyatakan penghargaan dan tanda terima kasih, katanya.

Mesyuarat berkenaan juga bersetuju dengan cadangan MCA Melaka untuk mewujudkan krematorium (tempat pembakaran mayat) yang tidak berdasarkan pada keuntungan.

Dr Ling menjelaskan sebuah tempat yang sesuai akan ditentukan yang mana melalui projek ini, semua keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pembakaran mayat di pusat berkenaan akan digunakan untuk kepentingan masyarakat, umpamanya sekolah-sekolah. -- BERNAMA

ROS PR